



## SIARAN MEDIA

### KPKT SASARKAN PENCIPTAAN TIGA REKOD BAHARU MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR) MENERUSI PENGANJURAN HARI CUCI MALAYSIA 2024

---

**KUALA LUMPUR, 28 September 2024** – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) dan YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) telah bersama-sama menyempurnakan perasmian **Hari Cuci Malaysia 2024: Program Pembersihan Mega Sempena *World Cleanup Day*** bertempat di perkarangan Pasar Seni, Kuala Lumpur bermula pukul 8 pagi hingga 8 malam, hari ini.

Program ini merupakan anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang turut mendapat kerjasama strategik daripada Perbadanan PR1MA Malaysia dan Malakoff Corporation Berhad menerusi Alam Flora Sdn.Bhd.

Program gotong royong dan pembersihan mega ini telah dilaksanakan di **649 lokasi seluruh negara** yang melibatkan pelbagai peringkat penganjuran termasuk kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, kementerian-kementerian, sekolah, balai bomba, Residensi PR1MA, Program Perumahan Rakyat (PPR), taman-taman awam, kawasan kejiranan, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah termasuk pembersihan sampah haram, ploging, pembersihan jalan, pembersihan longkang dan pengurusan sisa ke arah ekonomi kitaran.

Menerusi program ini, KPKT mensasarkan penciptaan **tiga (3) rekod baharu *The Malaysia Book of Records (MBOR)*** iaitu;

- i. Penyertaan paling ramai dan serentak seluruh negara iaitu melebihi 50,000 orang peserta;

- ii. Kutipan sisa paling berat iaitu melebihi 30 tan metrik
- iii. ; dan
- iv. Tempoh masa gotong-royong paling lama iaitu 12 jam (8 pagi hingga 8 malam) di sekitar kawasan Kuala Lumpur

Proses penciptaan rekod ini diselaras oleh KPKT menerusi jabatan dan agensinya iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang akan mengumpul dan merekodkan jumlah penyertaan dan kutipan sampah di setiap peringkat sepanjang aktiviti gotong-royong mega ini berlangsung.

Justeru itu, KPKT berharap pembudayaan yang disambut baik ini dapat dikekalkan pada masa akan datang bagi memupuk sifat dan membudayakan penjagaan kebersihan dan pengurusan sisa pepejal ini dikekalkan. Semoga inisiatif ini dapat dikekalkan dalam menjaga kebersihan alam sekitar untuk generasi akan datang selari dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan MADANI.

Turut hadir, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan PR1MA Malaysia; YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur; Pengurusan Tertinggi KPKT, wakil-wakil JWP, DBKL, Kementerian dan Agensi Kerajaan.

**#MalaysiaMADANI**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertiwi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

